

11 OCT 2002

MAHATHIR-KRISIS/I

DR M: KRISIS TINGKATKAN KEYAKINAN MALAYSIA TERHADAP MENGURUS EKONOMI

Oleh: Mohamed Kamel Othman

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa krisis kewangan serantau 1997-1998 telah mempertingkatkan keyakinan Malaysia terhadap menguruskan ekonominya dan malahan membolehkannya mencari penyelesaiannya sendiri untuk menangani masalah itu.

"Ia adalah sesuatu yang kita pelajari," katanya di dalam satu wawancara yang terkandung di dalam sebuah buku yang baru dilancarkan, "Rewriting The Rules: The Malaysian Crisis Management Model". Sedutan daripada buku itu diperolehi oleh Bernama hari ini.

Dr Mahathir berkata kecuali kita tahu bagaimana menanganinya (krisis itu), sendiri, kita akan jatuh."

Ditanya apakah pengajaran yang paling penting daripada krisis itu bagi Malaysia, katanya ia adalah keupayaan "berdiri di atas kaki kita sendiri".

"Itu bermakna kita terpaksa bergantung kepada keupayaan kita sendiri untuk menangkis sebarang serangan daripada luar," jelasnya.

"Apabila kita mahu membuat keputusan-keputusan bagi melindungi ekonomi kita, kita tidak mengaudit kekuatan kita sendiri dan mendapati bahawa kita mempunyai banyak modal di negara ini. Kita adalah salah satu daripada penyimpan tertinggi dunia. Kita juga tidak meminjam dengan berlebihan dari luar negara."

Itu, kata beliau, adalah perbezaan "di antara kita dan Indonesia dan Thailand."

Pendekatan Malaysia dalam menangani masalah-masalah ekonominya ketika itu ialah memperkenalkan kawalan modal, termasuk menambat ringgit tetapi langkah itu juga menerima banyak kritikan daripada mereka yang sangsi.

Ringgit, yang memperlihatkan pergerakan mendadak semasa krisis kewangan serantau 1997, ditambat pada RM3.80 kepada dolar AS. Tambatan itu diperkenalkan pada 1 Sept, 1998 ketika kemuncak krisis itu.

Dr Mahathir, yang berjaya mengeluarkan negara daripada krisis kewangan serantau melalui satu siri pembaharuan, berkata: "Hari ini, ia mungkin pedagang matawang, esok ia mungkin orang lain. Dan kecuali kita tahu bagaimana menangani diri kita sendiri, kita mungkin jatuh."

"Itulah sebabnya kenapa kita mengambil pendirian itu terhadap globalisasi dan perdagangan bebas," kata Dr Mahathir, yang menguatkuasakan langkah-langkah kawalan modal berpilih-pilih pada 1998 untuk menebat ekonomi daripada tekanan-tekanan luar.

Mengenai risiko menguatkuasakan kawalan modal berpilih-pilih, katanya terdapat kemungkinan tindak balas di mana negara-negara mungkin enggan berdagang dengan Malaysia atau malahan mungkin mengenakan sekatan-sekatan.

"Mereka mungkin tidak menerima kawalan modal, dan terdapat banyak perkara yang mereka boleh lakukan kepada kita. Dan jika kita tidak mempunyai matawang asing yang mencukupi di negara ini, ia mungkin menjejaskan kita."

"Sebagai contoh, seorang pengimport Malaysia yang mahu membeli gula daripada negara-negara lain perlu membelinya dengan matawang asing. Bank Pusat menguruskan matawang asing, dan ia mesti mempunyai matawang asing yang mencukupi bagi membolehkan para pengimport menukar ringgit kepada matawang-matawang lain, kerana ringgit tidak boleh diniagakan di luar negara," katanya.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, berkata bahawa bank-bank asing dan perbadanan-perbadanan bergabung untuk membentuk perbadanan-perbadanan

lebih besar dan syarikat-syarikat itu menunggu Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) memaksa negara-negara (membangun) membuka sempadan-sempadan mereka.

Katanya apabila mereka datang sahaja ke Malaysia, mereka akan menuntut syarat-syarat baru dan hak untuk beroperasi, dan malahan membuka cawangan-cawangan di kampung-kampung terkecil.

"Mereka begitu besar sehingga mereka mempunyai kelebihan ke atas bank-bank tempatan kita. Mereka mampu kerugian wang di sini kerana mereka membuat wang di tempat-tempat lain. Tetapi bagi bank-bank kita, jika mereka hilang wang, itulah akhirnya."

Akhirnya, katanya globalisasi perniagaan-perniagaan mengujudkan perbadanan-perbadanan besar dan syarikat-syarikat Malaysia tidak boleh bersaing dengan mereka. -- BERNAMA

MKO SHY OS